

Wanita kunjungi penuntut luar negara secara berkala

UM 2 4 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Pergerakan Wanita UMNO akan mengunjungi para penuntut Malaysia di luar negara secara berkala bagi memenuhi permintaan Kelab UMNO Luar Negara yang mahu sayap parti itu memberi sentuhan keibuan kepada mereka.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz memberitahu, dalam pertemuan pihaknya dengan wakil-wakil kelab tersebut semalam, mereka sendiri menyuarakan permintaan agar Wanita UMNO menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan para penuntut.

Justeru, katanya, Exco Pergerakan Wanita telah bersejua untuk mengemukakan senarai ahli yang akan dihantar secara berkala ke luar negara.

"Sebenarnya Wanita UMNO pernah menghantar wakil menemui penuntut tetapi tidak secara rasmi. Malahan saya sendiri secara peribadi setiap kali ke luar negara berjumpa pelajar Malaysia secara umum dan melalui ahli-ahli kelab UMNO.

"Tetapi para pelajar ini ninda Wanita UMNO sendiri memberi sentuhan keibuan untuk membimbing mereka yang jauh dari keluarga. Mereka minta kita datang masak dan makan bersama. Insya-Allah, kita akan buat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan cek bernilai RM7,000 kepada Kelab UMNO UK & Eire bagi membolehkan mereka mem-

beli komputer untuk menggerakkan aktiviti kelab.

Menurut Rafidah, beliau akan menghantar surat kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi memaklumkan keputusan Exco pergerakan itu, esok.

"Ini penting kerana bukan sekali sahaja Wanita kena pergi tetapi selalu sebab pelajar sentiasa bertukar ganti dan kita perlukan pembiayaan untuk berbuat demikian," katanya.

Menurutnya, Wanita UMNO akan menghantar mereka dari kalangan ahli dan bukan yang memegang jawatan semata-mata supaya lebih banyak masa dapat dihabiskan bersama mereka.

Wanita juga, kata beliau, akan membuat jadual supaya program itu tidak mengganggu waktu peperiksaan.

Sementara itu, Pengerusi Kelab UMNO UK & Eire, Kamal Rashdan Salleh berterima kasih kepada Wanita UMNO atas sumbangan cek yang akan membolehkan mereka melengkapkan bilik gerakan kelab itu dengan kemudahan komputer.

Menurut beliau, Kelab UMNO UK & Eire bercadang melengkapkan bilik gerakan di Manchester dengan kemudahan teknologi maklumat (IT) agar dapat berperanan sebagai pusat sehenti bagi 13 cawangannya dan 613 ahli di seluruh United Kingdom.

Buat masa ini, Kamal Rashdan memberitahu Kelab Hizbi yang pro Pas dan Kelab Keadilan Antarabangsa juga berpusat di Manchester.